

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

SOALAN NO. 171

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan:

- (a) apakah kedudukan imbalan perdagangan negara bagi tempoh Mei 2018 hingga Januari 2019; dan
- (b) apakah langkah-langkah penambahbaikan supaya Malaysia terus maju sebagai negara perdagangan.

JAWAPAN

1. Jumlah perdagangan Malaysia pada tahun 2018 kekal mampan, berkembang sebanyak 5.9% kepada RM1.876 trilion, berbanding RM1.771 trilion pada tahun 2017. Walaupun dalam keadaan persekitaran ekonomi global yang tidak menentu, eksport meningkat 6.8% mencecah nilai RM998.28 bilion, melepasi unjuran pertumbuhan sebanyak 4.4% dalam Tinjauan Ekonomi 2019 oleh Kementerian Kewangan (2 November 2018). Import meningkat 4.9% kepada RM877.76 bilion.

2. Lebihan dagangan meningkat 22.3% kepada RM120.52 bilion, lebihan dagangan yang tertinggi sejak 2012. Ini merupakan lebihan dagangan ke-21 tahun berturut-turut sejak tahun 1998. Bagi tempoh Mei 2018 hingga Januari 2019, imbalan dagangan kekal pada tahap lebihan (*surplus*). Jumlah keseluruhan lebihan dagangan yang dicatatkan bagi tempoh tersebut meningkat sebanyak 7.5% kepada RM85.64 bilion berbanding RM79.70 bilion dicatatkan Mei 2017 hingga Januari 2018.

SOALAN NO 171

3. Nilai jumlah imbalan perdagangan Malaysia bagi Mei 2018 hingga Januari 2019 adalah seperti berikut:

Tahun	Bulan	Imbalan dagangan (RM bil)
2018	Mei	8.12
	Jun	6.00
	Julai	8.33
	Ogos	1.61
	September	15.23
	Oktober	16.31
	November	7.84
	Disember	10.68
2019	Januari	11.52
	JUMLAH	85.64

4. Dalam usaha meningkatkan eksport barangan dan perkhidmatan negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) telah merancang pelbagai strategi yang merangkumi pelaksanaan program-program promosi pasaran dan pembangunan pengeksport bagi meningkatkan eksport.

5. Bagi merencanakan aktiviti promosi barangan buatan Malaysia ke luar negara, MATRADE telah menganjurkan program-program untuk syarikat-syarikat tempatan seperti Pameran Perdagangan Antarabangsa, Misi Perdagangan dan Pelaburan, Misi Akselarasi Eksport, dan Program Penyumberan Antarabangsa. Program-program promosi seumpama ini telah menghasilkan impak yang tinggi serta berkesan sebagai platform yang sesuai dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan buatan Malaysia ke luar negara.

6. Pada tahun 2018 MATRADE telah terlibat di dalam 36 Misi Akselarasi Eksport, 22 Pameran Perdagangan Antarabangsa, 15 Program Penyumberan Antarabangsa, 10 Promo Booth, 7 Lawatan Promosi Perdagangan, 5 Misi Perdagangan dan Pelaburan dan satu

SOALAN NO 171

Program Promosi Malaysia yang menyaksikan penglibatan langsung sebanyak 2,638 buah syarikat Malaysia.

7. Bagi tahun 2019 pula, MATRADE telah mengatur sebanyak 41 aktiviti promosi perdagangan antarabangsa termasuk seperti Pameran Perdagangan Antarabangsa (17 aktiviti), Misi Akselerasi Eksport (17 misi) dan Program Penyumberan Antarabangsa (7 program).

8. MATRADE turut melaksanakan program-program pembangunan pengeksport yang terbuka kepada syarikat bumiputera dan bukan bumiputera dengan bertujuan melahirkan serta memantapkan usahawan-usahawan dan syarikat-syarikat Malaysia sebagai pengeksport yang lebih berdaya saing dan berkemampuan terutamanya dalam penerokaan pasaran antarabangsa.

Sekian, terima kasih.